

Jejak Warisan: Masjid Lama Kampung Tuan

Siti Nur Shazlina Binti Mohd Noor Safar

Nur Fatihah Bt Sidi Ahmad

Mohd Nazir Ahmad

Azman Mat Isa

Ahmad Nazri Mansor

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Terdapat binaan tinggalan sejarah berusia lebih 185 tahun yang masih tersgam indah di Bandar Chukai, Kemaman, Terengganu. Sebuah masjid yang dinamakan sebagai Masjid Lama Kampung Tuan yang suatu ketika dahulu merupakan sebuah surau lama yang terletak di pinggir sungai Limpong Kemaman. Ia masih tersgam indah. Masjid ini merupakan sebuah masjid yang tertua di Negeri Terengganu dan telah diwartakan sebagai salah satu warisan kebangsaan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji asal usul Masjid Lama Kampung Tuan, mengenal pasti elemen reka bentuk masjid dan mengetahui cabaran dan harapan berkaitan dengan Masjid Lama Kampung Tuan. Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui kaedah temubual, pemerhatian dan analisa dokumen. Kajian ini dilaksanakan dengan menemubual seorang tokoh yang merupakan orang lama dan anak jati Kemaman yang sangat berpengetahuan dalam asal usul Masjid Lama Kampung Tuan.

Kata kunci: Masjid, Asal Usul, Keunikan, Rekabentuk, Cabaran

ABSTRACT

There is a 185 years old historical relic that is still magnificent in Chukai Town, Kemaman. A mosque named Masjid Lama Kampung Tuan was once an old surau located near to Limpong river, Kemaman. Masjid Lama Kampung Tuan is the oldest in the State of Terengganu and has been gazetted as one of the national heritages. This study aims to understand the origins of the Masjid Lama Kampung Tuan, exploring the mosque's design elements, and discover the challenges and expectations related to the old mosque. Oral history interview, observation and document analysis were used as the methods to conduct this study. An old man who has a vast experience and knowledge about the Masjid Lama Kampung Tuan's origin was interviewed to gather all required information.

Keyword: Mosque, Origin, Uniqueness, Design, Challenge

PENGENALAN

Sejarah lisan didefinisikan sebagai kaedah bagi memperoleh dan mengesahkan sesuatu kebenaran fakta sejarah di mana ia penting dalam merakam peristiwa yang dilalui oleh seseorang pada masa lalu (Seow Han Lin, 2020). Selain itu, sejarah lisan juga dinyatakan sebagai metod untuk mendapatkan maklumat dalam sesuatu penyelidikan sejarah bertulis dan juga merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lalu (Rahilah dan Siti Fathihah, 2006). Menurut Ahmad (1987), sejarah lisan adalah kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan sejarah melalui penceritaan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara dan rakaman pada pita kesaksian orang-orang yang mengetahui peristiwa bersejarah secara langsung atau hanya menyaksikanya.

Untuk tradisi lisan pula, ia dapat digunakan dalam mengkaji sumber Sejarah Malaysia, tetapi mempunyai hak dan batasan. Seperti yang dinyatakan adalah konsep 'kebenaran sejarah' dalam masyarakat kita, yang masih menjadi tanda tanya sahaja. Pada masa kini, hanya terdapat segelintir sejarawan yang menggunakan sumber sejarah hasil daripada tradisi lisan. Selain itu, seorang ahli sejarah yang ingin menggunakan tradisi lisan sebagai sumber harus menggunakan cara yang berdisiplin, seperti kajipurba, sejarah budaya, linguistik dan antropologi (Mohd. Amin, 1974).

Seterusnya, istilah masjid berasal dari perkataan Arab iaitu 'sajada, yasjudu, sajdan'. Sajada merujuk kepada pengertian bersujud, taat, patuh dan tunduk dengan penuh hormat. Di Malaysia, fakta telah membuktikan bahawa sejarah masjid penting sejak zaman Kesultanan Melaka. Dalam tempoh ini, masjid adalah pusat pembelajaran dan penyebaran Islam. Catatan sejarah jelas menunjukkan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam pembangunan manusia dan masyarakat dan kegemilangan tamadun Islam itu sendiri. Oleh itu, di era moden ini, umat Islam mesti mempromosikan masjid sebagai institusi penyatuan umat Islam dan menghidupkan kembali peranan masjid dengan semua aktiviti keagamaan

dan kemasyarakatan.

Terdapat banyak masjid-masjid lama yang dibina dan bertapak di Malaysia. Antaranya ialah Masjid Peringgit, Melaka (1720), Masjid Tua Kampung Laut, Kelantan (1730), Masjid Tua Langgar, Kota Bharu, Kelantan (1874), Masjid Lama Kampung Kuala Serdang, Tanjung Ipoh. Kuala Pilah (1902) dan juga termasuk Masjid Lama Kampung Tuan yang dibina pada tahun 1830. Masih ramai lagi penduduk di Malaysia yang masih belum mengetahui akan kewujudan masjid-masjid lama ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Reka bentuk masjid mempunyai tiga kategori yang berbeza iaitu Vernakular, Kolonial dan Moden (Abdul Ghafar, 1999). Masjid Lama Kampung Tuan merupakan masjid yang tertua di daerah Kemaman di Negeri Terengganu. Masjid ini masih kekal sehingga hari ini kerana masih mempunyai nilai sejarah dan senibina yang tinggi mutunya serta ia dijadikan sebagai rujukan utama sesetengah kajian. Namun begitu, kurangnya penyelidikan tentang sejarah dan struktur pembinaan masjid-masjid lama yang terdapat di Malaysia. Bahan literatur yang terhad dan tidak begitu banyak mengenai Masjid Lama Kampung Tuan menyebabkan kajian ini perlu dilaksanakan bagi memperkasakan terbitan dalam bentuk penulisan tepat dan rakaman daripada sumber asal atau sumber – sumber lisan bagi rujukan generasi pada masa akan datang.

Memandangkan Masjid Lama Kampung Tuan telah diwartakan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pada tahun 2008, maka perlu dibuat pendokumentasian sejarah lisan mengenai Masjid Lama Kampung Tuan bagi merekod tentang sejarah dan struktur pembinaan bagi tujuan supaya ia dapat disimpan dan dipelihara dengan kaedah yang betul kerana ia adalah sesuatu yang amat berharga bagi Negeri Terengganu. Budaya dan warisan negara sangat penting dan merupakan harta berharga merangkumi amalan, tradisi dan monument serta bernilai tinggi dalam peringgalan nenek moyang.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif- objektif kajian adalah:

- a. Untuk mengkaji asal usul Masjid Lama Kampung Tuan Kemaman.
- b. Untuk mengenal pasti elemen - elemen reka bentuk serta ruang dalaman yang terdapat di Masjid Lama Kampung Tuan.
- c. Untuk mengetahui cabaran dan harapan tentang Masjid Lama Kampung Tuan.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan- soalan kajian adalah:

- a) Bagaimanakah Masjid Lama Kampung Tuan Kemaman terbina?
- b) Apakah eleman- eleman reka bentuk yang terdapat dalam struktur binaan di Masjid Lama Kampung Tuan?
- c) Apakah cabaran dan harapan tentang Masjid Lama Kampung Tuan?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Secara amnya, warisan dan asal usul sesebuah masjid yang mempunyai keunikan tersendiri akan lenyap dari masa ke semasa. Perkembangan teknologi memberi kesan yang mendalam apabila masyarakat sekarang lebih mementingkan kemodenan daripada menghargai sesuatu warisan. Nadzan (2012) telah menghuraikan tentang kepentingan sejarah lisan dan tradisi terhadap peningkatan ilmu sejarah dan warisan. Hal ini berkait rapat dengan tajuk kajian ini dalam memperkuuh dan mengekalkan seni warisan Masjid Lama Kampung Tuan.

Kepentingan pertama ialah untuk menambahkan koleksi sejarah

lisan Masjid Lama Kampung Tuan yang terletak di Kemaman ini. Sumber yang bertulis kebanyakannya tidak menyeluruh dan hanya mencatat apa yang perlu sahaja walaupun sebetulnya ia perlu dicatat dengan tepat dan lengkap. Oleh itu, dengan adanya kajian lisan seperti ini yang dilakukan secara temubual diharapkan sedikit sebanyak akan memberi lebih pengetahuan dan kesedaran kepada pembaca mengenai masjid ini dan akan sentiasa memelihara warisan ini agar tidak dibiar begitu sahaja.

Seterusnya ialah penghasilan kajian ini dijadikan sebagai sumber rujukan kepada generasi muda mengenai sejarah dan kewujudan Masjid Lama Kampung Tuan ini. Generasi atau pengkaji akan datang dapat memperoleh sedikit sebanyak maklumat berkaitan Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini secara langsung dapat menambah koleksi kajian lisan terhadap sejarah masjid-masjid yang telah wujud di Malaysia. Kajian ini diharapkan mampu menyumbang dalam mengimarahkan lagi Masjid Kampung Lama Tuan. Apabila penyelidik mendokumentasikan kajian ini, orang ramai akan lebih berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang masjid tersebut. Dengan ini, lebih ramai golongan masyarakat yang berminat ke Masjid Lama Kampung Tuan bagi melihat sendiri khazanah dan warisan yang terdapat di sana.

Kajian ini juga secara tidak langsung dapat menjadi penyumbang dalam memastikan warisan yang tinggi nilainya dapat dikekalkan kerana Masjid Lama Kampung Tuan ini telah diwartakan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia sebagai satu warisan yang amat penting dan mampu menjadi sebuah destinasi tarikan pelancong di masa akan datang.

TINJAUAN LITERATUR

Sejarah Institusi Masjid

Seperti yang kita fahami bahawa sejak zaman Rasulullah SAW, masjid ini tidak terhad kepada tempat-tempat ibadat sahaja tetapi merupakan pusat kegiatan dakwah Islam yang luas. Ketika Rasulullah

SAW dan para sahabatnya berhijrah dari kota Makkah ke Kota Madinah, baginda singgah di suatu tempat yang dikenali sebagai Quba'. Rasulullah SAW membangunkan sebuah Masjid bernama Masjid Quba ', yang merupakan masjid paling awal yang dibina pada zaman Rasulullah SAW dan begitu juga ketika tiba di Madinah, Rasulullah membangun Masjid Nabawi. Ini semua menunjukkan bahawa masjid mempunyai kedudukan yang tinggi bagi umat Islam. (Islamic & Human Development Centre Universiti Malaysia Pahang, 2017).

Rasulullah SAW menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran negara, tempat untuk perbincangan politik, membincangkan dasar-dasar pentadbiran nasional, tempat untuk mendengar dan mengadili keluhan orang dan tempat untuk kes-kes jenayah dijalankan dan hukumannya dijatuhkan serta tempat pendidikan masyarakat melalui majlis-majlis ilmu yang disampaikan oleh baginda. (Mohamad Sofuan, 2019).

Peranan institusi masjid

Secara umunya, masyarakat hari ini dilihat hanya memahami konsep sesebuah masjid itu dari sudut tempat beribadat khusus utk kehidupan muslim semata-mata, walhal ia mempunyai pelbagai peranan bagi sesebuah negara dalam usaha membangunkan ummah. Masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam malahan lebih penting dari itu di mana masjid adalah nadi dan pusat kegiatan aktiviti umat Islam (Nor Azlina et.al, 2016). Masjid adalah sesuatu tempat yang dianggap suci bagi orang Islam dalam memupuk keimaman dan memimpin seseorang bagi memperoleh hidayah. Ia juga dikatakan sebuah tempat yang dapat mengingatkan setiap insan kepada Allah serta mampu menyuburkan jiwa insan agar sentiasa mengingati Dia Yang Satu (Hamka, 1985). Menurut Khalim dan Aminuddin, (2008) masyarakat yang kuat akan dibentuk apabila mereka berpaksikan sebuah keimanan dan jalan yang baik. Malah, masyarakat yang taat dalam melakukan kebaikan dan menjauhkan kemungkaran bakal memiliki iman dan jiwa yang kukuh.

Selain daripada itu, dahulu sebelum tertubuhnya Baitulmal, masjid merupakan pusat pengurusan ekonomi negara yang melibatkan urusan

kewangan dan fiskal negara serta urusan perdagangan dalam negara. Pada masa itu, masjid bukan hanya tempat ibadat, tetapi Rasulullah menjadikan masjid sebagai pusat mengurus pemerintahan politik, ekonomi dan sosial negara Islam dan juga pusat merancang strategi perang. Ia juga dikenali sebagai pusat pembangunan ummah yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat atau masjid yang mesra ummah (Kurniawan, 2014).

Seni Warisan

Menurut Jabatan Warisan Negara (2015), seseorang masyarakat yang telah menghasilkan sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat daripada air tangan mereka tersendiri adalah dipanggil warisan. Hasil tangan mereka perlu dilindungi dan dikekalkan agar tidak ditelan zaman. Contohnya, warisan kita adalah pengetahuan, pengetahuan dan kepakaran yang diwarisi kepada kita melalui cara hidup, dan kepercayaan yang terkandung melalui objek budaya. Ia mencerminkan keseluruhan ingatan kehidupan sosial dan melambangkan peradaban masyarakat. Selain itu, menurut Kementerian Penyatuan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, warisan adalah sesuatu yang diturunkan dari generasi ke generasi. Warisan itu perlu diwarisi dan dipelihara kerana mencerminkan gaya hidup dan identiti sesuatu bangsa.

Pemuliharaan struktur seperti bangunan, monumen, dan sebagainya adalah melihat kepada sumbangannya terhadap warisan negara. Semua usaha pemuliharaan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa faktor seperti nilai sejarah, seni bina, usia, fungsi, bahan binaan dan penyelenggaraan serta sokongan dari pelbagai pihak yang berkaitan. Identiti negara sebahagiannya dikenal pasti melalui warisan seni bina (architectural heritage) dan ia merupakan sumber rujukan penting dalam mengenali asal usul negara.

Oleh itu, untuk menjadikan masjid sebagai satu warisan penting, Jabatan Warisan Negara perlu memainkan peranan menjadikan masjid yang indah dan terkenal di seluruh negara sebagai tempat menyemai

warisan dan budaya negara (Mstar Online, 2009).

Seni Bina dan Elemen

Menurut Mohamad Tajuddin (2000), di dalam kajiannya yang bertajuk *The Architectural Heritage of the Malay World: The Traditional Mosque*, reka bentuk masjid terawal di Tanah Melayu yang dapat dikesan ialah masjid bumbung meru berlapis tiga dan dapat dilihat melalui pembinaan Masjid Lama Kampung Tuan yang dibina pada abad ke 16 dan 17. Dikatakan bahawa, bentuknya dibezakan dengan beberapa lapisan buah bumbung yang disusun meninggi seperti sebuah pagoda dan berbentuk seperti piramid.

Struktur pembinaan masjid tersebut juga sering dikaji oleh pengkaji terdahulu dimana Masjid Lama Kampung Tuan terdiri sebuah bangunan tunggal dengan satu ruangan tertutup dalam empat dinding panel menegak. Sistem tersebut menunjukkan sesuatu yang unik kerana ia merupakan struktur pembinaan tradisional Melayu. Berdasarkan Fauzi (2009), struktur binaan yang klasik serta sedikit mengikut tradisi surau lama di Siam membuktikan bahawa ia dibina oleh pendatang tersebut.

Melihat pemerhatian terhadap masjid tersebut, struktur permukaan kayunya dikatakan dibuat dengan menggunakan baci kerana ia dilihat tidak rata. Binaan masjid dibuat sebelum kewujudan alat-alat pertukangan seperti "ketam" kayu sama seperti Masjid Tua Kampung Laut. Oleh itu, hasil daripada pemerhatian sahaja dapat melihat sejauh mana kebenaran tentang masjid tersebut tentang keunikan seni bina dan elemen.

Malaysia adalah negara yang sedang membangun yang mempunyai banyak bangunan-bangunan bersejarah. Tidak ketinggalan, masjid yang terdapat di Malaysia juga mempunyai sejarah dan seni bina yang tersendiri. Di dapati bahawa kajian mengenai Masjid Lama Kampung Tuan tidak banyak dilakukan. Namun begitu terdapat beberapa kajian mengenai seni bina masjid lama di Malaysia. Menurut hasil kajian bersama Johar et all (2012), jenis reka bentuk masjid dalam dua kumpulan tersebut dibezakan melalui bentuk bumbungnya serta pengaruh yang dibawanya.

Masjid dengan bentuk tradisional tempatan biasanya berbentuk atap gable panjang (gable roof) dan mencerminkan pengaruh yang kuat terhadap seni bina, gaya hidup dan persekitaran keluarga. Di samping itu, bangunan-bangunan dengan pengaruh wilayah lebih khas di mana ia dicirikan oleh dua atau tiga masjid lama di Meru, yang berbentuk seperti kepulauan Indonesia. Konsep pembinaan masjid-masjid ini dibawa oleh pendatang ke Tanah Melayu.

Cabaran pengurusan masjid

Antara kajian diperoleh mengenai cabaran institusi masjid adalah masalah kekurangan dana, kurang pengalaman dan kemahiran dalam pengurusan masjid, kekangan pada ketua bagi memulakan sesuatu program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah, serta masalah ruang dalaman dan luar masjid yang amat terhad. Kesannya, aktiviti sedemikian tidak dapat dijalankan oleh sesetengah masjid kerana kekurangan kemudahan yang sesuai dan penting bagi menjayakan sesuatu majlis di masjid.

Selain daripada itu, ruang dalaman dan luar masjid yang amat terhad juga merupakan salah satu cabaran terhadap institusi masjid. Hal ini kerana, ruang dalaman masjid biasanya hanya disediakan untuk lelaki dan wanita untuk bersolat, dan tidak ada ruang di luar masjid untuk aktiviti luar, sukan dan hiburan. Ini kerana rancangan untuk membina ruang di masjid sejak awal hanya tertumpu pada pembinaan ruang solat lelaki dan wanita, dan tidak mempertimbangkan pembinaan ruang sembilan kumpulan di masyarakat. Ruang di luar masjid, kecuali tempat letak kenderaan jemaah masjid, hanya digunakan untuk pembinaan lanskap. Kebanyakan masjid kurang mempunyai ruang di dalam dan di luar masjid untuk memenuhi keperluan sembilan kumpulan dalam komuniti.

METODOLOGI

Dalam sesebuah kajian yang dilakukan, ia perlulah mempunyai kaedah yang sesuai bagi mendapatkan maklumat dan data yang tepat berkaitan kajian yang dibuat. Menurut *Oral History Association (n.d)*, projek

atau plan perlu dirangka sebelum temubual berkaitan kajian. Penyediakan metod seperti soalan kajian boleh dilakukan terlebih dahulu dengan mencari maklumat latar belakang berkaitan kajian atau tokoh yang ingin ditemui ramah tersebut sama ada dari sumber primer atau sekunder. Kajian ini diperoleh melalui dua kaedah iaitu data primer dan rujukan data sekunder. Setelah selesai mengkaji, penyelidik perlu menyediakan surat pengenalan umum serta menyatakan tujuan kajian yang ingin dilakukan itu dan menyerahkannya kepada tokoh.

Kaedah Temu bual

Menurut Chua (2014), definisi temubual adalah perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat di mana sebagai contoh interaksi bersemuka antara penemu bual dengan penyelidik. Kaedah temu bual ini melibatkan perbualan penyelidik dengan subjek kajian untuk mendapatkan maklumat relevan. Kajian ini merupakan kaedah yang pertama digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan Data primer kerana ia maklumat yang dapat diperoleh adalah bersifat asli tanpa tokok tambah. Ia diperoleh dengan cara menemu bual tokoh itu sendiri bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan sahih berkaitan tajuk kajian yang dikaji.

Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam kajian ini, temubual yang dilakukan adalah temu bual berstruktur iaitu dijalankan secara formal dan dirancang dengan teliti. Setiap soalan yang ditanyakan selaras dengan objektif kajian dan setiap soalan perlu dijawab oleh tokoh.

Hasil kajian yang diperoleh dalam bentuk rakaman temu bual diubah ke dalam bentuk transkrip. Ia akan diceritakan secara visual tentang temu bual yang telah dijalankan. Seterusnya, soalan temu bual yang disediakan akan disusun mengikut keutamaan dan persoalan bermula daripada latar belakang sehingga yang berkaitan dengan sejarah masjid yang dikaji. Medium yang digunakan dalam kajian ini adalah secara bersemuka mengikut persetujuan antara tokoh dan penemubual.

Analisa dokumen

Kaedah ini digunakan oleh penyelidik untuk mengumpul maklumat sumber sekunder. Data-data sekunder diperoleh oleh penyelidik dengan pencarian maklumat melalui jurnal, artikel, surat khabar, sumber internet, buku dan laman sesawang berkaitan tajuk yang dikaji. Maklumat yang diperoleh melalui kaedah ini adalah yang telah diolah dan dikemaskini oleh penyelidik-penyelidik yang berkenaan. Melalui kaedah ini, banyak maklumat berkenaan tajuk kajian diketahui membuktikan bahawa banyak kajian lepas telah dilakukan oleh pakar terdahulu yang boleh menyumbang dalam penyelidikan ini.

Bagi kajian ini, kaedah pengumpulan bagi kaedah analisa dokumen dilakukan dengan merujuk laman sesawang, buku-buku, artikel, jurnal serta wacana surat khabar mengenai Masjid Lama Kampung Tuan. Hal ini bertujuan mendapatkan maklumat tersebut daripada hasil kajian yang lepas di mana ia panggil sebagai data sekunder. Data-data yang diperoleh dari kaedah ini digunakan bagi melengkapkan kajian literatur di dalam kajian ini. Ia juga memberi sedikit sebanyak pengetahuan tambahan terhadap hasil kajian yang bakal diperoleh oleh penyelidik.

Pemerhatian

Kaedah pemerhatian juga menyumbang kepada kajian ini kerana ia sesuai untuk mengumpul maklumat yang diperlukan dan boleh dijadikan sebagai bukti kajian. Kaedah ini dijalankan dengan melawat kawasan kajian iaitu Masjid Lama Kampung Tuan untuk melihat sendiri warisan masjid berkenaan. Melalui kaedah ini, penyelidik secara langsung dapat mengambil gambar dan video bagi melengkapkan lagi kajian yang dilakukan. Penyelidik dapat melihat sendiri dengan lebih terperinci, jelas dan teliti setiap sudut masjid tersebut.

Prosedur Pengumpulan Data

Data merujuk kepada pengiraan atau ukuran sesuatu peristiwa yang boleh dinilai dengan pengiraan dalam aspek ciri-ciri, kejadian dan

fakta (Sabitha, 2005). Data yang bagus akan boleh diperolehi apabila penyelidikan yang dibuat itu dirancang rapi mengikut reka bentuk yang sesuai seperti pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan (Ruhizan et.al ,2010). Sebelum menemu bual tokoh, langkah carian literatur telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menyelidik kajian yang sedia ada daripada sumber – sumber primer dan sekunder.

Akhirnya, setelah selesai sesi menemubual, hasil data daripada temu bual tersebut akan di trasnskipkan secara visual, disimpan, diproses dan diakses mengikut prosedur arkib negara.

Latar Belakang Tokoh



Berdasarkan kajian ini, tokoh dipilih kerana mempunyai pengetahuan yang banyak mengenai Masjid Lama Kampung Tuan. Tokoh tersebut adalah Encik Syed Alwi bin Syed Hamzah. Beliau berumur 56 tahun dan merupakan anak jati Kampung Tuan di Kemaman. Beliau telah berumah tangga dan mempunyai isteri yang bernama Latifah. Beliau mempunyai 7 orang anak. Pada awalnya beliau mendapat Pendidikan di Sekolah Kebangsaan Chukai Kemaman berhampiran dengan Kampung Banggol. Seterusnya beliau bersekolah di Sekolah Menengah Sultan Ismail. Beliau mendapat pendidikan terakhir di Universiti Teknologi Malaysia dalam Diploma Mechanical Engineering.

Beliau pernah bekerja dibawah syarikat *Oil and Gas* di bawah ESSO EPMI (ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc). Selain itu, beliau juga pernah bekerja di bawah Felda (The Federal Land Development Authority) manakala sekarang beliau meneruskan kehidupan dengan dunia perniagaan. Jawatan yang dipegang oleh beliau sekarang adalah merupakan Ahli Jawatan Kuasa Masjid Lama Kampung Tuan serta merupakan Pengerusi Masjid Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di Kampung Gong Pauh Kemaman. Sebelum menjadi Pengerusi MPKK tersebut, beliau merupakan Timbalan Pengerusi di Masjid Kampung Tuan.

Beliau juga dipilih kerana merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mengendali dan menjaga masjid tersebut sehingga kini. Pengalaman dan mengetahuan yang dimiliki berdasarkan kajian terdahulu yang kami lakukan menjadikan beliau dipilih sebagai tokoh kajian yang paling sesuai. Latar belakang tokoh yang telah dipilih juga akan ditemui buah sedikit sebanyak berkaitan ahli keluarga beliau.

HASIL KAJIAN

Asal Usul Masjid Lama Kampung Tuan

Asal usul Masjid Lama Kampung Tuan ini boleh dikatakan tidak begitu jelas asal-usulnya daripada masa dahulu sehingga pada masa kini. Jika diikutkan, asal usul masjid ini adalah daripada pengasas Masjid Lama Kampung Tuan yang juga orang pertama yang datang ke Chukai, Kemaman. Akan tetapi penduduk di sekitar kampung itu yang juga merupakan generasi lama dan juga generasi baru tidak berapa pasti dan juga mengetahui asal usul bilakah masjid ini dibina. Masjid Lama Kampung Tuan ini dibina pada tahun 1976 tetapi mengikut berita daripada orang lama di sana, ianya dibina pada tahun 1687.

Syeikh Abdul Samad Al-Pattani merupakan pengasas Masjid Lama Kampung Tuan ini. Beliau merupakan seorang pedagang dan penyebar agam Islam yang berasal daripada Yaman. Tujuan beliau datang kesini

adalah untuk bermiaga sekaligus untuk menyebarkan agama Islam kepada penduduk sekitar. Dinyatakan di sini umur Syeikh Abdul Samad Al-Pattani antara 30 hingga 40 an Ketika beliau datang ke Chukai, Kemaman. Setelah beliau meninggal dunia, anaknya Syeikh Abdul Rahman ataupun digelar Tuan Wok mengambil alih mengurus Masjid Lama Kampung Tuan. Selain itu terdapat juga waris lain iaitu cucu kepada Syeikh Abdul Samad Al-Pattani yang juga bernama Syeikh Abdul Rahman tinggal di Kampung Gong Limau dan juga terdapat waris beliau yang menetap di Beserah, Kuantan.



Gambar 2: Foto Lama Masjid Lama Kampung Tuan



Gambar 3: Foto terkini Masjid Lama Kampung Tuan

STRUKTUR PEMBINAAN DAN KEUNIKAN MASJID LAMA KAMPUNG TUAN

Masjid lama Kampung Tuan merupakan sebuah bangunan tunggal dengan konsep masjidnya yang berbentuk segi empat sama. Masjid ini berkonseptan seni bina yang dibawa oleh pengasas sendiri daripada

Negeri Yaman. Seni bina dan bentuk masjid ini semuanya adalah hasil daripada rekaan pengasas kerana pada awal pembinaannya tidak terdapat lagi mana-mana arkitek untuk mereka sebuah bangunan atau masjid. Masjid Kampung Lama Tuan ini mempunyai kelengkapan hiasan berbentuk seperti buah gutong atau nama sebenarnya adalah mustaka yang merupakan hiasan puncak gangsa yang berketinggian 2-meter pada puncak masjid tersebut serta atapnya adalah empat lapisan. Tinggi keseluruhan masjid ini pula adalah empat puluh kaki daripada tanah manakala keluasan masjid adalah berbentuk empat segi sama lebih kurang 30 hingga 40 kaki persegi dari tanah.

Jumlah jemaah yang boleh dimuatkan dalam masjid ini termasuk muslimin dan muslimat adalah lebih kurang dalam seratus orang pada suatu masa. Jika diperhatikan kepada struktur pembuatan masjid tersebut, ia tidak begitu rata. Alatan yang digunakan dalam pembinaan masjid ini dikatakan tidak diketahui oleh mana-mana generasi pada ketika itu. Akan tetapi, jika dilihat pada strukturnya boleh dikatakan mereka yang membina masjid tersebut menggunakan alatan seperti baci atau ketam kayu untuk melicinkan permukaan kayu yang tidak rata. Kayu yang digunakan untuk membina masjid ini adalah sejenis kayu cengal. Kayu tersebut juga tidak diketahui asalnya mungkin daripada hutan – hutan berdekatan dengan lokasi masjid tersebut ataupun jauh di pedalaman. Kayu ini digunakan kerana keistimewaannya yang tahan lama, kuat dan tidak dimakan oleh anai-anai.

Masjid ini dikatakan unik kerana pembuatannya yang sangat unik dan hasil yang betul-betul seperti direka oleh pereka profesional. Cara pembinaan dan idea rekaan tersebut pada ketika itu tidak dapat digambarkan melalui cara mereka membinanya. Hal ini kerana, rekaan masjid tersebut dianggap sebagai rekaan tersendiri oleh pengasas masjid ketika itu. Tambahan lagi, masjid ini tidak mempunyai tiang pada ruang dalaman.

Reka bentuk ruang dalaman Elemen Lantai

Keluasan lantai masjid ini adalah berbentuk segi empat sama.

Keluasannya dianggap sama seperti keluasan masjis tersebut iaitu empat puluh kali empat puluh kaki persegi. Ruangan lantai dewan sembahyang di dalam masjid ini adalah satu – satunya ruang yang terdapat di dalam masjid itu. Masjid yang berlantai panggung ini berketinggian antara 5 kaki bersamaan dengan lebih kurang 1.5-meter dari tanah. Lantai masjid ini mempunyai kelebaran yang berbeza di mana lebar setiap kepingan kayu lantai adalah empat kaki kali enam kaki dan berketinggian dalam 1 inci setengah. Dari segi meter pula ialah 1-meter kali 1.8-meter persegi. Lantai masjid ini boleh di buka dan di cabut kerana lantai tersebut tidak di paku antara satu sama lain. Oleh itu, ia dilihat amat unik. Menurut sumber daripada orang kampung kayu – kayu yang digunakan tersebut di ambil dari hutan Bukit Kuang.

Penyusunan lantai disusun secara kepingan – kepingan mengikut keluasan ruang lantai. Ia disusun secara selari mengikut kiblat masjid. Lantai ini sehingga sekarang masih mempunyai lantai yang sama dan ia hanya dilapisi dengan tikar dan sejadah sebagai alas. Ruang di dalam masjid ini amat luas dan hanya dibahagikan dengan tirai antara ruang untuk lelaki dan perempuan. Menurut tokoh itu, terdapat ruangan khusus untuk wanita di tempat ruang solat wanita dari bawah lantai di mana ia dijadikan laluan bagi wanita memasuki masjid tersebut ketika awal pembinaan. Hal ini bertujuan untuk menutupi aurat wanita supaya tidak dilihat oleh kaum lelaki kerana pintu utama hanya digunakan untuk muslimin sahaja. Namun begitu, ia dipercayai telah ditutup selepas terdapatnya proses pemuliharaan oleh Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006.



Gambar 4: Menunjukkan ruangan masjid

Gambar 5: Ruangan khusus untuk wanita yang telah ditutup



Gambar 6: Kedudukan ketinggian lantai yang berbeza antara lantai masjid

Elemen Atap

Pada awalnya atap atau bumbung masjid Lama Kampung Tuan ini dibina menggunakan tanah liat atau batu bata. Ia berukuran 6 inci panjang dan 4 inci lebar. Manakala ketebalan atap tersebut pula adalah sekitar 3mm sehingga 4mm. Atap ini berbentuk kepingan dan disusun di atas kerangka atap yang dinamakan sistem kerangka kayu di mana ia dibina dengan alang dan tiang mudah yang diikat pada rasuk atau penahan. Kayu penahan kepada atap tersebut disokong oleh kayu 1 inci sebagai penyangkut atau pemegang atap tersebut.

Atap tersebut dilihat unik kerana hasil binaannya adalah daripada orang kampung sendiri. Ia dibuat dengan bahan yang tersendiri iaitu tanah liat. Sekarang atap tersebut telah ditukar menggunakan atap genting kerana atap daripada tanah liat tersebut telah rosak dan ia dikatakan hanya mampu bertahan sekitar 3 hingga 4 tahun sahaja.



Gambar 7: Menunjukkan rangka pemegang atap



Gambar 8: Keadaan atap yang terkini
Elemen Dinding

Dinding Masjid Lama Kampung Tuan ini diperbuat daripada kayu juga. Kayu – kayu seperti kayu cengal bagi membuat dinding ini diambil di sekitar kampung dan dibelah menjadi kecil mengikut saiz yang tertentu bagi dinding masjid. Dinding masjid ini disusun menggunakan kayu kecil secara menegak dan melintang mengikut bentuk masjid itu yang berbentuk segi empat sama. ketinggian setiap kepingan papan adalah lebih kurang 5 kaki bersamaan dengan 1.5-meter dari lantai dan berkelebaran dalam 2.5 cm setiap satu. Cantuman kayu – kayu dinding tersebut yang rapi dan membuatkan cahaya langsung tidak dapat memasuki masjid tersebut.

Ruangan masjid ini hanya mempunyai dua bukaan di mana yang pertama adalah bukaan pintu utama dan juga bukaan tingkap. Pintu masjid

tersebut dianggarkan lebar dalam 141 cm dan berketinggian dalam 162 cm. Elemen unik yang terdapat di masjid ini adalah bukaan tingkap yang banyak. Tingkap yang terdapat di masjid ini tidak mempunyai daun dan hanya dibuat menggunakan jaring-jaring daripada batang kayu sahaja. Fungsi tingkap ini adalah untuk memberi pendengaran suara azan kepada penduduk kampung ketika dahulu. Ia dijadikan sebagai pembesar suara dan juga memberi laluan udara dan cahaya kepada masjid tersebut.

Bukaan tingkap yang dimiliki oleh Masjid Lama Kampung Tuan adalah banyak iaitu berjumlah 14 tingkap tetapi dalam skala yang kecil. Ia berukuran 30 cm lebar dan 45 cm tinggi. Selanjutnya, pada tingkap tersebut terdapat empat batang kayu halus sebagai jaring pada setiap belahan tingkap. Bagi mengawal jumlah cahaya yang memasuki masjid melalui tingkap ini, kain atau tirai digunakan bagi menutupi tingkap itu. Tambahan itu, Mihrab juga adalah satu elemen yang terdapat di masjid ini. Ia dibina menggunakan kayu balak yang dibuang isi – isi dalamnya. Kayu balak tersebut dijadikan sebagai mimbar masjid tanpa sebarang penyambungan tetapi ia dibelah menjadikan konsep atau bentuknya separa bulat. Tinggi mimbar tersebut lebih kurang 5 kaki dengan ketebalan dinding 4 inci.



Gambar 9: Bukaan tingkap yang rendah dan kecil



Gambar 10: Dinding masjid



Gambar 11: Pintu utama masjid



Gambar 12: Dinding Mihrab masjid


Elemen Ukiran

Masjid ini juga terdapat beberapa ukiran pada permukaan dinding kiblat mihrab dan juga mimbar masjid. Ia memiliki ukiran bunga yang timbul pada permukaan tersebut. Namun begitu, pada mimbar masjid ukiran yang dilihat adalah berbeza sedikit kerana ia merupakan

ukiran ayat- ayat suci al quran yang tidak lengkap. Tetapi ukiran tersebut tidak dapat di baca dan difahami oleh sesiapa lagi sehingga sekarang. Motif hasil daripada ukiran tersebut tidak diketahui berikutnya ukiran itu diukir sekali semasa pembinaan masjid tersebut tetapi keadaan ini menyebabkan pembaca yang membaca ukiran tersebut menjadi tertarik untuk mengetahui dengan lebih mendalam makna ukiran al quran itu.



Gambar 13: Ukiran pada dinding Mihrab



Gambar 14: Ukiran pada mimbar masjid

KEMUDAHAN DI MASJID LAMA KAMPUNG TUAN

Kemudahan yang terdapat di masjid ini adalah seperti telaga. Telaga telah dibina oleh pengasas sendiri ketika itu, pembinaan telaga adalah bertujuan sebagai tempat untuk berwuduk kerana ketika itu tiada lagi air paip. Ia juga dijadikan kemudahan kepada penduduk kampung bagi mengambil air untuk keperluan harian. Telaga ini dibina seusia dengan pembinaan masjid, oleh itu ia telah mencapai umur hampir 200 tahun. Perbezaan kemudahan dulu dan sekarang dapat dilihat apabila Jemaah dahulu hanya memiliki telaga untuk mengambil wuduk. Tetapi sekarang ia telah dilengkapi dengan sistem paip dan juga kolah kecil. Seterusnya, pihak masjid juga telah membina beberapa tambahan kemudahan di hadapan masjid itu. Ia bertujuan untuk meraikan sesuatu majlis seperti sambutan berbuka puasa dan juga menjadi kegunaan orang ramai untuk majlis tertentu.



Gambar 15: Telaga Masjid Lama Kampung Tuan



Gambar 16: Kolah kecil

SISTEM PENGURUSAN MASJID LAMA KAMPUNG TUAN

Sistem pengurusan di masjid ini terdiri daripada pengerusi, bendahari dan juga ahli jawatankuasa yang tertentu. Pengerusi pada masa kini adalah Encik Ismail Nasaruddin bin Zubir yang bertanggungjawab mengurus segala hal ehwal Masjid Lama Kampung Tuan. Selain itu, Encik Haji Asmadi bin Umar merupakan bendahari di masjid ini yang bertanggungjawab menjaga kewangan dan kebajikan Masjid Lama Kampung Tuan dan terdapat ahli jawatankuasa yang salah seorang adalah Encik Syed Alwi bin Syed Hamzah.

Masjid Lama Kampung Tuan ini masih dibuka untuk orang ramai dan pengunjung sama ada dari Malaysia dan luar negara. Tidak terdapat imam khas ataupun bilal khas yang ditugaskan tetapi kebiasaannya Ustaz Haji Abdul Rahman ataupun digelar Ustaz Man oleh penduduk kampung akan menjadi imam untuk solat Maghrib dan Isyak.

CABARAN DAN HARAPAN TERHADAP MASJID LAMA KAMPUNG TUAN

Dengan adanya Jabatan Warisan Negara, diharapkan keunikan dan kemurniaan cara pembinaan yang ada sekarang pada Masjid

Lama Kampung Tuan ini dikekalkan sebagai sebuah warisan. Selain daripada itu, dari segi cabaran yang dihadapi bagi menjaga dan mengekalkan masjid ini supaya terpelihara adalah melalui cabaran bebentuk iklim ataupun cuaca. Jika terdapat hujan dan ribut, langkah berjaga-jaga terpaksa diambil untuk mengelakkan kebocoran. Jika berlaku sebarang kebocoran, kesannya akan mlarat kepada struktur-struktur lain yang terdapat di masjid itu. Bagi mengatasi masalah yang dihadapi, penduduk-penduduk kampung bekerjasama membaiki apabila terdapat kerosakan terhadap masjid itu dengan menggunakan wang hasil mereka sendiri tanpa bantuan daripada pihak kerajaan.

Terdapat beberapa majlis rutin yang setiap tahun dilakukan di Masjid Lama Kampung Tuan ini, antaranya Malulidur Rasul, Majlis Korban, majlis mengacau bubur Asyura dan majlis berbuka puasa. Tiada sebarang promosi yang dilakukan pihak masjid untuk mempromosikan masjid ini sebagai pusat pelancongan di Terengganu kecuali dengan menggunakan media massa bagi memberitahu tentang kewujudan Masjid Lama Kampung Tuan ini sehingga ada pengujung daripada Thailand dan Indonesia yang datang melawat masjid ini,

Turut dinyatakan bahawa untuk memartabatkan Masjid Lama Kampung Tuan sebagai masjid tertua di Terengganu ini hanyalah dibawah kuasa Jabatan Warisan Negara sahaja. Ahli jawatankuasa masjid hanya mampu memberitahu atau menghebahkan mengenai Masjid Lama Kampung Tuan kepada penduduk sekitar dan mengajak mereka untuk menghormati masjid ini. Akhir sekali, perancangan tentang Masjid Lama Kampung tuan untuk masa hadapan adalah dengan menyerikan lagi seperti mengecat semula, membersihkan landskap dan juga ingin mempunyai pagar yang berbentuk unik ataupun klasik.



Gambar 17: Monumen Pengiftirafan daripada Jabatan Warisan Negara



Gambar 18: Plak Kerja Konservasi Bangunan oleh Jabatan Warisan Negara

KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa kajian ini dapat memberi peluang kepada pengkaji dengan memperoleh pengetahuan baharu seperti memperoleh pengalaman dalam menemu bual seorang tokoh yang hebat. Justeru, dapat juga mengetahui keseluruhan sejarah berkaitan kajian yang telah dibuat iaitu Sejarah Masjid Lama Kampung Tuan. Ia secara langsung dapat melahirkan rasa penghargaan dalam diri pengkaji untuk menghargai pengorbanan masyarakat terdahulu dalam menempuh pelbagai cabaran dan halangan untuk menyebarkan

agama Islam sebagaimana tujuan pembinaan masjid tersebut sebagai tempat penyebaran agama. Selain itu, penyelidik dapat menyumbang kepada pembangunan koleksi tempatan dengan menemubual tokoh yang banyak pengalaman berkaitan menubuhan masjid tersebut. Akhir sekali, dengan melakukan kajian ini, pengkaji mempelajari sesuatu tentang cara untuk menemui bual tokoh dengan teknik yang sistematik.

RUJUKAN

Ahmad Abd. Kadir. 1987. Sejarah lisan satu kaedah penyelidikan sejarah. Bulletin, 16:17-19.

Baharudin, F. (2009). Kemaman – Al Masjid. Diakses Disember 13, 2020, daripada <https://almasjid.wordpress.com/tag/kemaman/>

Chua Yan Piaw, (2014). Kaeadaah Penyelidikan (3rd ed.). Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd. hlm.,139 -140.
<https://ustazkenali.wordpress.com/2017/02/19/temu-bual/>

Jabatan Warisan Negara (2015). Apakah Definisi Warisan. Diakses Januari 22, 2021, daripada <https://www.facebook.com/JabatanWarisanNegara/posts/soalan-lazimapakah-definisi-warisan-warisan-adalah-sesuatu-yang-diwarisi-dari-ge/848033378611430/>

Johar, S. (2012). Pemuliharaan Dan Pembaikan Masjid Kayu Tradisional di Malaysia. Diakses Disember 26, 2020, daripada <http://eprints.usm.my/44911/1/SUHANA%20BINTI%20JOHAR.pdf>

Khalim, Z., & Aminuddin, B. A. 2008. Pengurusan tingkah laku remaja ke arah pemerksaan pembangunan modal insan: Berdasarkan teori barat dan pendekatan Islam. Prosiding Wacana.

Kurniawan, S. (2014). Masjid dalam lintasan sejarah umat Islam. Journal of Islamic Studies. 4(2). Hlm. 169-184.

Mohd Amin Hassan, (1974) Tradisi lisan - sejarah lisan dalam usaha mengkaji sejarah

Malaysia. AKADEMIKA, 4. pp. 27-42. ISSN 0126-5008.

Daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/4017/>

Mohamad Sofuan Mohamad Saleh. (2019). Pengimaranan Masjid: Masjid Mesra Ummah- Isu dan Cabaran. E-Proceeding International Masjid, Zakat and Waqaf Management(IMQF 2019) KUIS. Bangi

Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi, (2000). The Architectural Heritage of the Malay World: The Traditional Mosque. Selangor, Universiti Teknologi Malaysia.

Mstar. (2009, June 08). Masjid dijadikan tempat semai budaya dan warisan negara –

Rencana.Diakses Disember 26, 2020, daripada
<https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2009/06/08/masjid-dijadikan-tempat-semai-budaya-dan-warisan-negara>

Nadzon Haron. (2012). *Panduan Penyelidikan dan pendokumentasian sejarah lisan*. Persatuan Sejarah Malaysia.
daripada <https://www.worldcat.org/title/panduan-penyelidikan-pendokumentasian-sejarah-lisan/oclc/971526308>

Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man (2016)
Pemerksaan

Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. Diakses Disember 12, 2020,
<https://journaleacademiauitm uitm.edu.my/v2/images/vol5issue2/CRPID59-PEMERKASAANPERANANMASJID.pdf>

Oral History Association. (n.d.) OHA Principle Standard. Diakses daripada:https://www.oralhistory.org/wpcontent/uploads/2009/10/OHA_principles_standards.pdf

Rahilah Omar, and Siti Fathihah AL, (2012) *Penilaian semula historiografi Malaysia melalui sejarah lisan*. Geografia : Malaysian Journal of Society and Space, 8 (2). pp. 77-87

Ruhizan Mohammad Yasin et.al (2010) "Research Background", dlm. Noraini

Idris (ed.), Research in Education. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. daripada
http://studentsrepo.um.edu.my/3929/4/3_METODOLOGI_PENYELIDIKAN.pdf

Sabitha Marican (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling

Jaya,

Selangor: Pearson Prentice Hall daripada
<https://www.worldcat.org/title/kaedah-penyeleidikan-sains-sosial/oclc/308620689>

Seow Han Lin. (2020). Sejauh manakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah? Diakses Disember 12,2020, daripada [www.researchgate.net/publication/342923894 Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)

Syed Alwi bin Syed Hamzah.(2020, Disember 28). Menyusuri Masjid Lama Kampung Tuan, Kemaman [Temu Bual].